

Pembentukan Pemikiran Kreatif dan Kritis: Hubungannya Dalam Menyelesaikan Masalah

Formation of Creative and Critical Thinking: Its Relationship in Problem Solving

Anita Ismail¹, Farah Laili Muda @ Ismail², Adibah Sulaiman @ Mohamad³, Mohd Azmir Mohd Nizah⁴, Latifah Abdul Latiff⁵, Mashitah Sulaiman⁶, Siti Norbaya Mat Yacob⁷, Hisham Muhammad Taky Eldin Kandil⁸

^{1,2} Pusat Pengajian Teras & Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia, N.Sembilan, Malaysia;

^{3,8} Pusat Pengajian Teras & Fakulti Pendidikan dan Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, N.Sembilan, Malaysia

^{4,5,6,7} Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, N.Sembilan, Malaysia;

Article progress

Accepted: 3 Mac 2020

Reviewed: 31 Mac 2020

Published: 31 Mei 2020

*Corresponding author:

Anita Ismail, Pusat Pengajian Teras, USIM, N.Sembilan, Malaysia;

Email:

anitaismail@usim.edu.my

Abstrak: Kreativiti merupakan kebolehan semulajadi untuk menghasilkan idea dan kemungkinan yang baharu dalam menyelesaikan masalah. Ia merupakan kemahiran penting yang perlu dipraktikkan dan diasah menerusi pelbagai teknik dan kaedah yang tertentu. Usaha yang berkaitan perlu dilakukan supaya dapat melahirkan generasi yang kreatif ke arah amalan pembangunan insan yang berlandaskan kreativiti. Penerapan kemahiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah merupakan pendekatan pengajaran yang penting yang perlu diintegrasikan dalam kurikulum institusi pendidikan tinggi. Pelajar yang mampu berfikir secara kritis dan mampu menyelesaikan masalah merupakan kunci kepada arus perubahan dan kemajuan individu dalam kehidupan semasa bergelar mahasiswa dan juga setelah tamat pengajian. Kemahiran ini penting bagi memastikan pelajar memiliki pemikiran tahap tinggi yang diperlukan bagi menghadapi persaingan global. Penerapan kemahiran ini merupakan salah satu bentuk pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang bertujuan bukan sekadar menghasilkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik, malah juga cemerlang dari sudut akhlak dan emosi.

Kata kunci: Pemikiran; Kreatif; Kritis; Penyelesaian Masalah;

Abstract: Creativity is a natural ability to generate new ideas and solutions to problems. This is an important skill that needs to be practiced and developed through a variety of techniques and approaches. Related efforts must be made to generate a creative generation based on creative development practices. Applying critical skills and problem-solving skills is an important teaching approach that needs to be integrated into the curriculum of higher education institutions. Students who are able to think critically and solve problems are key to the flow of change and individual progress in their lives as students and graduates. These skills are essential to ensure that students have the high level of thinking needed to compete globally. Implementing these skills is one of the approaches to teaching and learning that aims not only to produce students who are academically excellent, but also from a moral and emotional point of view.

Keywords: thinking; creative; critical; problem-solving

Pendahuluan

Kreativiti ialah suatu potensi yang terdapat pada setiap individu (Morris, Kuratko, dan Covin, 2010). Namun pada hakikatnya, setiap individu memiliki perbezaan dari segi tahap kreativiti (Muradriani, Widiastuti, Lianawati

dan Nisfianoor, 2006). DeGraff dan Lawrence (2002) menjelaskan kreativiti merupakan kompetensi utama yang dapat membantu seseorang individu memiliki kemampuan untuk menciptakan sesuatu yang baru, kaedah baru dan idea-idea yang lebih baik atau baru.

Oleh itu, dengan memiliki kreativiti pelajar dapat menghasilkan sesuatu yang baru, baik, berkualiti serta boleh berfungsi (Ismail dan Atan, 2011). Sehubungan dengan ini, kreativiti adalah sesuatu yang penting dalam bidang pendidikan kerana kreativiti memberi kesempatan kepada seseorang pelajar untuk mencari cara penyelesaian masalah dalam menghadapi pelbagai cabaran (Satiadarma, 2004). Kemahiran berfikir kritis meliputi beberapa kemahiran utama, iaitu kemahiran mengumpul maklumat, kemahiran membuat keputusan, kemahiran membentuk inferensi dan kemahiran membentuk analogi (Zaharah Hussin, 2005).

Pemikiran Kreatif

Secara umumnya setiap individu mempunyai kreativiti. Individu kreatif adalah memiliki rasa ingin tahu yang tinggi terhadap sesuatu perkara, tidak mudah bosan dalam mempelajari sesuatu, berani mengambil risiko atas keputusan yang diambil, mempunyai kepercayaan diri, berdikari dalam menjalankan segala sesuatu dan memiliki pemikiran pelbagai. Pemikiran pelbagai merangkumi sebuah operasi pengimbasan yang umum, yang mana membolehkan seseorang individu mampu menghasilkan pelbagai penyelesaian yang mungkin.

Kreativiti ialah keupayaan untuk menghasilkan sesuatu yang baru lagi sesuai, bermanfaat kepada manusia dan selari dengan prinsip dan shari'ah Islam. Kreativiti merupakan satu proses memahami, melaksana dan menjelaskan prinsip dan idea Islam pada masa dan tempat tertentu untuk mendepani cabaran-cabaran yang timbul dalam semua aspek kehidupan. Kreativiti dalam Islam adalah merangkumi (al-Karasneh dan Jubran, 2010):

1. Keterbatasan manusia iaitu memahami hakikat manusia tidak sempurna dalam segala-galanya dan mengingatkan manusia bahawa Allah SWT Maha Mengetahui.
2. Inspirasi wahyu iaitu hasil galakan beberapa ayat-ayat al-Quran yang mendorong manusia untuk menggunakan cara berfikir yang berbeza.
1. Tanggungjawab khalifah iaitu memiliki rasa tanggungjawab, taqwa, rendah hati dan syukur.
2. Lengkap iaitu menggabungkan komponen fizikal, mental, kerohanian dan keagamaan.
3. Menangani isu penting iaitu menguruskan masalah dan isu-isu konkrit semasa dan bukan isu dunia fantasi.
4. Ganjaran yang besar iaitu manfaat yang berupa kebendaan dan kerohanian menjadikan motivasi kepada manusia untuk melakukan usaha dengan bersungguh-sungguh.

Ketamadunan Islam memperlihatkan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah insan kreatif yang

terulung dalam menangani urusan politik, ketenteraan, sosial, pendidikan, ekonomi, pengurusan dan agama. Bahkan kreativiti Baginda SAW bermula daripada zaman pra-Islam seperti menyelesaikan isu perbalahan antara beberapa suku kaum Arab dalam masalah perletakan Hajarul Aswad. Selain daripada fenomena ini, daya berfikir secara kreatif dan kreativiti Baginda SAW juga jelas digambarkan dalam memimpin negara, membuat keputusan, mengatur strategi, mewujudkan hubungan dengan pelbagai pihak dan berdakwah. Hal ini adalah selari dengan pelbagai gaya pemikiran kreatif dalam ayat-ayat al-Qur'an yang menjadi bukti bahawa Islam menggalakkan manusia berfikir secara kreatif, berkreaitif dan berinovasi.

Kreativiti tamadun manusia terdahulu diingati kerana terdapat tinggalan dan bukti fizikal yang berjaya menarik perhatian masyarakat selepasnya disebabkan oleh kreativiti serta seninya. Kegemilangan Tamadun China dibuktikan dengan tinggalan Tembok Besar China dan Tamadun Mesir dibuktikan dengan binaan piramid. Kedua-dua binaan ini memperlihatkan hasil kreativiti dan seni yang dimiliki masyarakat setempat pada zamannya. Ini berlainan dengan Tamadun Islam di mana seni dan kreativitinya melangkaui zaman dan batasan geografi. Dalam Tamadun Islam terdapat kepelbagaian hasil seni dan kreativiti yang menjadi bukti pencapaian tamadun berkenaan. Sebagai sebuah tamadun yang bersifat sejagat (universal) sepanjang zaman, seni dan kreativiti Islam menjadi bukti pencapaian tamadunnya. Kebolehan ahli masyarakatnya dalam bidang itu sewaktu zaman kegemilangan dinasti Islam tidak boleh dinafikan. Olahan kreativiti masyarakat Islam bukan sahaja menakjubkan malah mampu menimbulkan satu tanggapan positif seperti ketinggian ilmu, gaya hidup yang tinggi dan maju dalam kalangan masyarakat lain pada waktu itu terhadap masyarakat Islam.

Al-Quran adalah sumber pemikiran kreatif umat Islam. Ia bukan sekadar sumber rujukan untuk hukum fekah dan peraturan hidup manusia. Tetapi menjadi kunci kepada kemajuan hidup abadi yang dicari oleh manusia. Perkembangan dan kerancangan aktiviti berkaitan kreativiti secara tersirat menunjukkan kefahaman serta kesungguhan masyarakat Islam dalam Tamadun Islam terdahulu mendalami al-Quran bagi memacu tamadun di masa hadapan. Mereka meletakkan kebolehan dan kemahiran terbaik yang dimiliki untuk manfaat generasi seterusnya.

Pemikiran Kritis

Berfikir selalu dikaitkan dengan akal dan dalam al-Quran perkataan yang merujuk kepada akal disebut sebanyak 40 kali. Al-Quran telah mengemukakan beberapa panduan kepada manusia agar mereka dapat menggunakan akal mereka dengan cara yang sebaik-

baiknya, supaya mereka menemui kebenaran. Panduan al-Quran ini terkandung dalam gesaan al-Quran agar umat Islam menolak keraguan dalam perkara yang pasti, tidak mengikut hawa nafsu dan emosi, menolak taklid buta kepada nenek moyang dan menolak ketaksuban kepada pemimpin (Azmi Mamat, 2005).

Istilah 'pemikiran kritis' merupakan gabungan antara dua perkataan iaitu pemikiran dan kritis. Istilah pemikiran berasal dari kata dasar fikir yang bermaksud ingatan, angan-angan, akal, sangka, anggapan, pendapat dan kira (Noresah Baharom, 2005). Manakala istilah kritis pula berasal daripada perkataan Inggeris *critic*. *The Oxford English Dictionary* (1989) ada menjelaskan mengenai kata dasar kritis yang berasal dari perkataan Greek *kriths* (*Kritikos*) yang bermaksud menimbang (*judge*). Manakala Kamus Dewan pula menjelaskan perkataan kritis dengan maksud tidak dengan begitu sahaja menerima atau mempersetujui sesuatu (menimbangkan buruk baiknya terlebih dahulu) atau bersifat mengkritik (tidak menerima sesuatu bulat-bulat) (Noresah Baharom, 2005).

Penggunaan perkataan pemikiran kritis dalam bahasa Arab mempunyai pelbagai istilah yang sama maksudnya dari segi literal seperti *al-fikr al-naqdi* yang diungkapkan oleh al-Qarni (N.S Doniach, 1972; Munir Ba'albaki, 1995; Elias A. Elias & Ed. E. Elias (t.t). Manakala Yusuf al-Qaradawi (1996) pula menggunakan kalimah akal/minda ilmiah (*al-'aqliyyah al-'ilmiyyah*) yang merujuk kepada perkataan pemikiran kritis.

Pemikiran Kreatif dan Kritis dalam Menyelesaikan Masalah

Kepentingan kreativiti dalam membangunkan masyarakat dan negara telah lama disedari (Storm Storm, 2002). Para pemimpin, ahli perniagaan, saintis, ahli sejarah, pendidik dan ahli psikologi menyatakan bahawa kreativiti sangat diperlukan untuk kelangsungan hidup penduduk di dalam sesebuah negara terutamanya dalam era globalisasi di mana perubahan, cabaran, dan persaingan sedang dan akan terus berlaku. Perkembangan ekonomi yang berlaku akibat daripada perubahan dasar kerajaan yang kini lebih mementingkan sektor industri, teknologi maklumat dan ilmu pengetahuan telah mengubah dan akan terus mengubah taraf dan corak kehidupan masyarakat keseluruhannya.

Kreativiti berhubungan dengan idea-idea asli dan perkara-perkara baru yang berguna untuk menyelesaikan masalah (Runco, 2008; Sumarwati dan Jailani, 2011). Di samping itu, kreativiti dapat didefinisikan sebagai suatu proses pemikiran yang membantu seseorang individu dalam menghasilkan idea baru (Green, 2001). Idea merupakan buah daripada pemikiran kreatif yang memiliki peranan penting kerana dapat membantu seseorang individu dalam membuat keputusan,

menyelesaikan sesuatu masalah mahupun menjana idea yang abstrak dan konkrit (Yee et al., 2011). Minda kreatif sentiasa mengaitkan aktiviti dengan imaginasi, di mana hal tersebut berpotensi untuk mentafsirkan sesuatu dalam cara yang luar biasa (Idris, 2006).

Nilai-nilai pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah diterapkan dalam kurikulum pengajian bertujuan melahirkan graduan yang serba boleh, berfikir dengan kritis dan kreatif dan memiliki kecemerlangan akhlak dalam kehidupan realiti sebenar setelah melangkah keluar dari alam kampus. Dengan kata lain kemahiran ini mampu melahirkan generasi yang menepati ciri-ciri modal insan yang harus dilihat secara menyeluruh membabitkan semua aspek kehidupan dalam individu dan masyarakat di negara ini. Oleh itu, terdapat pelbagai aspek yang perlu diberi penekanan dalam usaha membina modal insan yang bersepadu, iaitu ilmu pengetahuan, daya intelek, kemahiran, tahap peningkatan ekonomi, kebudayaan dan sebagainya.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, al-Ghazali menyatakan bahawa akal perlu dirangsang, digerakkan dan diberi perhatian kerana walaupun akal seseorang individu mempunyai "daya lihat", namun masih banyak lagi perkara yang tidak mampu dijangkau oleh akal. Sebagai contoh bentuk rangsangan yang diberikan melalui kata-kata para hukama' dan yang paling agung iaitu *kalamullah* s.w.t. iaitu al-Quran yang berbentuk perkataan (Abdul Salam Yussof, 2003). Beliau menjelaskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran memerlukan satu proses penelitian dan kajian yang mendalam bagi memperolehi sesuatu maklumat. Menurut beliau:

"Apabila anda mengadakan penyelidikan terhadap ilmu, pasti anda akan melihat kelazatan pada ilmu tersebut. Oleh itu, tujuan mempelajari ilmu ialah kerana ilmu itu sendiri" (Abdul Salam Yussof, 2003).

Berdasarkan penelitian di atas menunjukkan bahawa pemikiran kritis merupakan suatu kemahiran berfikir yang melibatkan beberapa kemahiran seperti kemahiran menilai maklumat, kemahiran menilai hujah secara rasional dan logik, kemahiran menyelesaikan masalah dan lain-lain lagi. Semua kemahiran ini mempunyai perkaitan yang rapat dalam mendidik akhlak mulia mahasiswa yang bakal menerajui negara suatu hari nanti (Che Husain & Tengku Kasim, 2007).

Penerapan pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah amat diperlukan sebagai suatu pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan generasi yang bukan sahaja memiliki kecemerlangan akademik malah merupakan generasi yang terbilang dengan ciri-ciri modal insan. Modal insan

merupakan individu yang tidak bersifat individualistik tetapi bersifat sebahagian daripada masyarakat Malaysia yang berilmu, berkeyakinan, memiliki nilai yang murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan santun, mempunyai keluarga yang mantap berdisiplin, dinamik, berdaya tahan tinggi, berinovasi, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, cekal, berintegrasi dan berdaya saing (Sargit Singh Gill, 2006). Kaedah penyelesaian masalah adalah bertujuan untuk memberi latihan dan sokongan semasa para pelajar untuk cuba menyelesaikan permasalahan yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Penutup

Dorongan pemikiran dan pemikiran kritis telah ditekankan dalam Al-Quran. Umat Islam digalakkan berfikir secara kreatif dan kritikal untuk memenuhi keperluan manusia serta mengatasi kemodenan. Sementara itu, pada masa yang sama seorang individu Muslim perlu memenuhi kewajipannya sebagai khalifah Allah di muka bumi ini, di mana matlamat utama manusia adalah untuk mencari keredhaan Allah. Umat Islam mengembangkan perspektif pemikiran mereka dengan menjadikan Al-Quran sebagai panduan mereka.

Pada mulanya kreativiti dianggap memainkan peranan penting hanya dalam bidang seni dan sastera sahaja. Namun kini para penyelidik mendapati kreativiti turut memainkan peranan penting dalam bidang-bidang pentadbiran, perniagaan, keusahawanan, sains, metamatik, seni bina, kejuruteraan dan sukan. Perkembangan ini menyebabkan usaha untuk memupuk kreativiti di peringkat sekolah dan universiti dianggap sebagai sangat mendesak dan penting. Dalam dunia penuh persaingan global ketika ini, memiliki pengetahuan dan kepintaran yang tinggi tidak memadai. Pengetahuan dan kepintaran tersebut mesti disertai dengan kreativiti agar pelajar kita dapat bersaing di peringkat global apabila mereka dewasa nanti. Akan tetapi usaha ke arah pemupukan kreativiti pelajar ini akan terbantut seandainya halangan-halangan terhadap pemupukan kreativiti tidak diatasi terlebih dahulu.

Kemahiran berfikir merupakan salah satu elemen penting yang perlu dimiliki oleh para pelajar. Ia meliputi kebolehan berfikir secara kreatif, kritis, inovatif dan kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan dalam pelbagai bidang yang diceburi. Gelombang perubahan dalam sistem pendidikan sekarang menuntut kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang mampu menerapkan kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Kemahiran ini mampu menjadi benteng yang menyelamatkan seseorang individu daripada serangan pemikiran, ideologi dan unsur-unsur berbentuk negatif. Kepentingan kemahiran

berfikir secara kritis amat diperlukan dalam kurikulum pelajaran.

Rujukan

- Al-Quran.
- Abdul Salam Yussof. (2003). *Imam al-Ghazali: pendidikan berkesan*. Utusan Publications & Distributors.
- Al-Ghazali. (1983). *Pembendung Daripada Kesesatan*. Terj. Abdulfatah Haron Ibrahim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Karasneh, M., & Jubran Saleh, A. (2010). Islamic Perspective of Creativity: A Role Model for Teachers of Social Studies as Leaders. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 412-426.
- Al-Qaradawi, Yusuf, Dr. (1996). *al-'Aql wa al-'Ilm fi al-Qur'an al-Karim*. Kaheerah: Maktabah Wahbah.
- Azmi Mamat. (2005). Beberapa Aspek Pemikiran Kritis Ibn Khaldun, Kajian dalam Kitab al-Muqaddimah. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Che Husain, F., & Tengku Kasim, T. S. (2007). Pembentukan modal insan bersepadu melalui keberkesanan pendidikan akhlak individu Muslim/Faridah Che Husain dan Tengku Sarina Aini Tengku Kasim.
- DeGraff, J. and Lawrence, K. A. (2002). *Creativity at Work: Developing the Right Practices to Make Innovation Happen*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Elias, A. & Ed. E. Elias. (t.t). *Elias' Modern Dictionary English-Arabic*, ed. 10. Cairo: Elias' Modern Press.
- Green, A. (2010). *Creativity in Public Relations* (4th ed.). London, United Kingdom: Kogan Page Limited.
- Idris Jusoh. (2006). *Satu pemikiran praktis dalam merealisasikan konsep Ulul Albab*. Kertas Kerja Seminar Ulul Albab. Anjuran Bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan Terengganu Development Institute. Kuala Terengganu.
- Ismail, S. dan Atan, A. (2011). Aplikasi Pendekatan Penyelesaian Masalah Dalam pengajaran Mata Pelajaran Teknikal dan Vokasional di Fakulti Pendidikan UTM. *Journal of Educational Psychology and Counseling*, 2, 113-144. ISSN: 2231-735x.
- Morris, M. H., Kuratko, D. F. and Covin, J. G. (2010). *Corporate Entrepreneurship and Innovation: Entrepreneurial Development Within Organizations*. Third Edition. USA: Cengage Learning.

- Muradriani, V., Widiastuti, N., Lianawati dan Nisfianoor. (2006). Hubungan Antara Visual Imagery dengan Kreativitas pada Munir Ba'albaki (1995). *al-Mawrid: A Modern English-Arabic Dictionary*. Beirut: Dar El-Ilm Lil-Malayan.
- Noresah bt Baharom (et al) (ed.) (2005). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- N.S Doniach. (1972). *The Oxford English-Arabic Dictionary*. Oxford: At the Clarendon Press.
- Runco, M. A. (2008). Creativity and education. *New Horizons in Education*, 56(1), n1.
- Said, M. M. B. M., & Yunus, N. (2008). Halangan-Halangan Kepada Usaha Memupuk Kreativiti di Kalangan Pelajar. *Jurnal Pengajian Umum*, 7(1), 41-51.
- Sri Sumarwati, & Jailani Md Yunos. (2013). Tahap kreativiti dalam kalangan pelajar Politeknik Metro, Politeknik Premier dan Politeknik Konvensional di Malaysia. *International Conference on Management*, (June), 212–234.
- Satiadarma, M. P. (2004). Pendidikan Kreativitas Ataupun Pendidikan Moral? Fakultas Psikologi Universitas Tarumanagara Jakarta Bekerjasama Dengan Yayasan Obor Indonesia. *Jurnal Proviante*, 1(1), 1-11.
- Strom, R. D., & Storm, P. S. (2002). Changing the Rules: Education for Creative Thinking. *Journal of Creative Behavior*, 36 (3), 183-199.
- Yee, M. H., Jailani, M. Y., Tee, T. K., & Widad, O. (2011). Faktor-Faktor Kesukaran Penjanaan Idea Dalam Kalangan Pelajar Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia. *International Conference on Teaching & Learning in Higher Education (ICTLHE 2011)*, (Ictlhe), 205–218.
- Zaharah Binti Hussin. (1995). Analisis Kandungan Kemahiran Berfikir Kritis Dalam Buku Teks Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah. (Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya).